



JABATAN TENAGA MANUSIA

# PELAN STRATEGIK

2016 - 2020



**PELAN STRATEGIK  
JABATAN TENAGA MANUSIA  
2016-2020**



**PELAN STRATEGIK  
JABATAN TENAGA MANUSIA  
2016 - 2020**





## ISI KANDUNGAN

TAJUK	Muka Surat
1. Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia	5
2. Sekapur Sirih Dari Ketua Pengarah JTM	6
3. JTM Sepintas Lalu	7
• <i>Maklumat Korporat Jabatan</i>	7
• <i>Peta Lokasi</i>	8
• <i>Carta Organisasi JTM</i>	9
• <i>Visi, Misi, Objektif dan Fungsi</i>	10
4. Rasional Pelan Strategik JTM	11
5. Cabaran Dan Halatuju	12
6. Pelanggan Dan Stakeholders	13
7. Pemerhatian Persekitaran Ekonomi	14
8. Dasar-Dasar Pembangunan Ekonomi	16
9. Pelan Strategik Jabatan Tenaga Manusia 2016-2020	21
• <i>Strategi 1: Membangunkan Tenaga Kerja Yang Kreatif Dan Inovatif</i>	22
• <i>Strategi 2: Meningkatkan Kualiti Latihan</i>	29
• <i>Strategi 3: Memperkukuhkan Jaringan Dengan Industri</i>	39
• <i>Strategi 4: Mempastikan Pekerjaan Dan Kebolehkerjaan</i>	45
• <i>Strategi 5: Pengukuhan Imej Dan Persepsi</i>	49
10. Lampiran	55
11. Alamat Keseluruhan ILJTM	59



## **PELAN STRATEGIK JABATAN TENAGA MANUSIA 2016-2020**

### **PENAUNG**

Dato' Romli bin Haji Hassan  
Ketua Pengarah  
Jabatan Tenaga Manusia

### **PENASIHAT**

Hj. Syed Mohammad Noor bin Syed Mat Ali  
Timbalan Ketua Pengarah  
Jabatan Tenaga Manusia

### **PENYUNTING**

1. Mohd Zabidin bin Abdul Samad
2. Norman bin Kusin
3. Dr Ramli bin Rashidi
4. Kamaruzaman bin Md Ali
5. Abdul Halim bin Abdul Rahman

### **AHLI**

1. Azizan Bin Zainal Abidin
2. Mat Setia bin Mohd Raji
3. Syed Johan bin Syed Ali
4. Faizah bt Harun
5. Suzana bt Mohd Zohdi
6. Abd. Halim bin Ali Mohamed
7. Nor Huda bt Salim
8. Mohd Raris Bin Mohamed Yusof
9. Zaid bin Zahari
10. Nasirrudin bin Said Alang Ghafar
11. A. Rahmad bin Ngah
12. Mustapha B Kadir
13. Mohd Khazlan bin Wellun
14. Rd Khairina Bt Khirotdin
15. Jamal bin Jurait
16. Asbul Hadi bin Mat Yunus
17. Seliman bin Wagimin
18. Ammar Bin Kamilin
19. Aslina binti Mohamed Shariff
20. Nor Azlina bt Karim
21. Intan Sharfinas bt Mohd Nasir
22. Norhidayati bt Nordin
23. Mohd Azmi bin Jamaludin



## PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



### DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN

Ketua Setiausaha  
Jabatan Tenaga Manusia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Dalam usaha untuk merealisasikan visi dan misi Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai peneraju Pembangunan Sumber Manusia Negara, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) yang merupakan satu entiti utama dalam memacu Pembangunan Kemahiran Negara telah menyediakan Pelan Strategik JTM yang komprehensif bagi tempoh 2016 hingga 2020. Ia bertujuan bagi merealisasikan sasaran 50% pembangunan tenaga mahir Negara menjelang tahun 2020 dan seterusnya mendokong pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia.

Pelan Strategik JTM ini merupakan pemurnian kepada Pelan Strategik pertama yang diterbitkan pada tahun 2007, yang menggariskan lima (5) teras strategik dalam pembentukan sumber manusia yang sentiasa relevan dengan memiliki sikap, pengetahuan dan kemahiran secukupnya, seiring dengan cabaran persekitaran semasa yang semakin kompleks dan kompetitif. Kerangka Bab 5 di dalam Rancangan Malaysia ke 10, iaitu Membangunkan dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia dijadikan sebagai asas dan rujukan dalam pembangunan Pelan Strategik JTM kali ini.

Tahniah kepada warga kerja Jabatan Tenaga Manusia yang telah berjaya memacu usaha dalam merealisasikan penghasilan Pelan Strategik JTM ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat sepanjang proses penyediaan dokumen ini. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya supaya setiap strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan dapat dilaksanakan bagi mendokong Pelan Strategik KSM, sekaligus melonjakkan KSM sebagai peneraju dalam bidang pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang bertaraf dunia.

Sekian, terima kasih.



## SEKAPUR SIRIH DARI KETUA PENGARAH JTM



### **Dato' Haji Romli Bin Hj. Hassan**

Ketua Pengarah  
Jabatan Tenaga Manusia

Assalamualaikum w.b.t. Salam 1 KSM dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita menyediakan Pelan Strategik Jabatan untuk tahun 2016-2020 ini. Selaras dengan fungsi JTM sebagai Peneraju Pembangunan Tenaga Mahir Negara, alhamdulillah kita akan dapat meyempurnakan tugas dan tanggungjawab dalam aspek pemberian latihan dan kemahiran kepada para belia dan juga warga kerja di Malaysia mengikut perancangan yang telah dibuat.

Dalam memastikan sistem penyampaian dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan adalah mencapai tahap yang dikehendaki, Jabatan telah berjaya memperbaharui Sistem Pengurusan Kualiti kepada versi baru ISO 9001:2008 dengan skop Persijilan Pengurusan Pemberian Perkhidmatan Latihan Kemahiran Teknikal.

Penyertaan ILJTM dalam beberapa pertandingan rekacipta dan inovasi juga membuahkan hasil yang menjulang nama ILJTM di peringkat kebangsaan antaranya melalui Pertandingan Kemahiran Malaysia, Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri, manakala di peringkat antarabangsa, ILJTM telah meraih anugerah pingat dalam pertandingan *International Innovation Technology Exhibition (ITEX)*.

Apa yang lebih membanggakan lagi apabila melihat graduan lulusan ILJTM kekal mempunyai tahap permintaan yang tinggi dalam pasaran kerja. Namun begitu menjadi harapan JTM untuk mengorak langkah ke arah '*zero unemployment*'.

Dengan melihat kepada pencapaian-pencapaian tersebut, saya berasa amat berbangga dengan prestasi yang ditunjukkan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan ini. Saya berharap, dengan sokongan dan dedikasi berterusan semua pegawai dan kakitangannya, akan lebih maju dan akan dapat mencapai semua sasaran dalam pelan strategik ini.



## JTM SEPINTAS LALU

### MAKLUMAT KORPORAT JABATAN

Jabatan Tenaga Manusia (JTM), yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Tenaga Rakyat (JTR), telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 Mei 1969. Objektif utama jabatan ini ialah :-

- i) Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta ke arah mencapai penggunaan tenaga manusia secara optimum;
- ii) Berusaha untuk melatih dan meningkatkan sumber-sumber tenaga kerja mahir dan separuh mahir melalui rancangan-rancangan latihan tertentu; dan


Berusaha menyalurkan tenaga kerja kepada sektor perindustrian dan mengumpul, menganalisa dan menyebarkan maklumat pasaran buruh bagi tujuan perancangan tenaga manusia.

# PETA LOKASI INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)





# CARTA ORGANISASI JTM





## VISI, MISI, OBJEKTIF DAN FUNGSI

### VISI

Menjadi organisasi peneraju dalam membangunkan tenaga kerja berdaya saing.

### MISI

Mengeluarkan tenaga kerja yang berdaya saing.

### OBJEKTIF

Membantu ke arah penggunaan tenaga manusia yang optimum melalui program latihan perindustrian.

### FUNGSI

- Melaksanakan program latihan kemahiran ke arah mengeluarkan tenaga mahir perindustrian yang berdaya saing;
- Menyedia dan menjalankan program latihan kemahiran pra-pekerjaan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia; dan
- Meningkatkan taraf kemahiran pekerja untuk sektor perindustrian.



## RASIONAL PELAN STRATEGIK JABATAN TENAGA MANUSIA

Pengemaskinian Pelan Strategik JTM merupakan salah satu strategi yang telah digariskan di bawah Teras 5: Membangunkan Sumber Manusia Yang Berdaya Saing, Pelan Strategik KSM 2011-2015. Sehubungan dengan itu, pemurnian terhadap Pelan Strategik JTM sedia ada dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada pembangunan tenaga mahir Negara bagi yang berdaya saing untuk keperluan sektor industri Negara.

Pengemaskinian Pelan Strategik ini adalah berasaskan Kerangka Hala Tuju Strategik Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 dan Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia 2008-2020, yang menyasarkan matlamat dan strategi korporat serta misi nasional ke arah negara maju. Pelan strategik ini akan menjadi asas dan rujukan dari aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian hala tuju JTM.



## CABARAN DAN HALATUJU

- **PERSEPSI**

Meningkatkan keyakinan rakyat terhadap program latihan kemahiran

- **KEBOLEHKERJAAN**

Memastikan 80% graduan yang keluar dari ILJTM memperolehi pekerjaan dalam tempoh enam bulan tamat latihan

- **PERSIJILAN PROFESIONAL**

1. Kepakaran khusus
2. Pengantarabangsaan

- **TENAGA PENGAJAR**

Memastikan tenaga pengajar kompeten dan berkemahiran tinggi

- **PRASARANA**

Aktiviti penyelenggaraan yang berjadual yang memerlukan peruntukan yang mencukupi

- **PENJENAMAAN**

Penjenamaan semula organisasi dan program



# PELANGGAN DAN STAKEHOLDERS





## PEMERHATIAN PERSEKITARAN EKONOMI

### Cabaran Senario Ekonomi Global Semasa

- Menyediakan tenaga buruh yang berkemahiran agar Malaysia dapat mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi.
- Permintaan dan penawaran tenaga buruh mahir yang tidak selaras dengan keperluan industri semasa dan akan datang.
- Upah dan gaji yang setimpal agar bakat guna tenaga mahir dan professional dapat dikekalkan.
- Menarik balik warga Malaysia yang berkepakaran untuk kembali berkhidmat
- Mengalakkan tenaga berkepakaran asing untuk bekerja di Malaysia.

### Lanskap Guna Tenaga Malaysia

Perkembangan perburuhan di Malaysia bagi tahun 2010-2020 adalah seperti mana jadual di bawah:


TAHUN	PENDUDUK (1000 ORANG)	TENAGA BURUH (1000 ORANG)	GUNA TENAGA (1000 ORANG)	KADAR PENGANGGURAN (%)
2010	28,250.5	12,216.8	11,773.3	3.6
2015	29,773.8	13,654.0	13,225.6	3.1
2020	31,628.1	14,945.1	14,534.6	2.7



## Cabaran Malaysia Mendapatkan Tenaga Mahir Dalam Pasaran Buruh

Perkembangan tenaga mahir di Malaysia adalah seperti carta di bawah:

Perkembangan tenaga mahir di Malaysia di ilustrasikan melalui Rajah 3 dan 4



Sumber : Unjuran Rancangan Malaysia ke 10, EPU, Jabatan Statistik Malaysia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa Korea dan Jabatan Statistik Taiwan

Rajah 3 : Penggunaan Tenaga Mahir

PENCAPAIAN PENDIDIKAN	2010		2015		2020	
	('000 ORANG)	(%)	('000 ORANG)	(%)	('000 ORANG)	(%)
Tiada Pendidikan Rasmi	500.9	4.1	384.8	2.8	54.3	0.4
Rendah	1,869.1	13,654.0	851.5	6.2	253.1	1.7
Menengah	6,888.0	14,945.1	7,814.5	57.2	8,656.6	57.9
Tertiari	3,110.2	25.5	4,603.2	33.7	5,981.1	40.0
Sarjana Muda	1,448.7	11.9	2,585.2	21.2	3,642.8	24.4
Diploma	1,192.5	9.8	1,450.9	11.9	1,665.7	11.1
SPM dan ke bawah	469.0	3.8	567.2	4.6	672.6	4.5
Tenaga Buruh ('000)	12,216.8	100.0	13,654.0	100.0	14,945.1	100.0
Kadar Pengangguran (%)	3.6		3.1		2.7	
Guna Tenaga ('000)	11,773.3		13,225.6		14,534.6	

Rajah 4 : Bilangan Penduduk Bekerja mengikut Pencapaian Pendidikan di Malaysia, 2015-2020



# DASAR-DASAR PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA & AGENDA TRANSFORMASI NASIONAL





Menyuburkan kembali sektor swasta



Membangunkan tenaga kerja berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing



Mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing



Mengukuhkan sektor awam



Tindakan afirmatif yang telus dan mesra pasaran



Membina infrastruktur berasaskan pengetahuan



Meningkatkan sumber pertumbuhan



Memastikan pertumbuhan keboleh mampanan

### Transformasi Tempat Kerja

- *Reform* dan pemodenan Perundangan dan Peraturan Perburuhan bagi tujuan mengurangkan kos perniagaan dan meningkatkan perlindungan pekerja
- Memperkenalkan Sistem Insurans Pemberhentian Kerja (SIPK) bagi tujuan mewujudkan pasaran buruh yang fleksibel
- Menubuhkan Majlis Perundingan Gaji Negara
- Menimbang Polisi Gaji Minimum
- Memudah pelaksanaan Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (*Productivity Linked Wage System-PLWS*)

### Transformasi Tenaga Kerja

- Menjalankan Kajian Unjuran Guna Tenaga dan Pasaran Buruh
- Mempertingkatkan Kemahiran Tenaga Kerja
- Membangunkan Strategi Menyeluruh Meningkatkan Kemahiran Tenaga Kerja
- Menyeragamkan Pensijilan Bagi Tenaga Kerja Mahir Negara
- Meningkatkan Kadar Penyertaan Wanita Dalam Pasaran Buruh



# PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI





# 6 SRI NKEA





## 10 IDEA UTAMA



1. Ekonomi dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara
2. Memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena Antarabangsa.
3. Transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi pengkhususan.
4. Menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi.
5. Memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang.
6. Memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan yang mudah terjejas.
7. Pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif.
8. Menyokong perkongsian yang pintar dan berkesan.
9. Menghargai khazanah alam sekitar
10. Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing



# PELAN STRATEGIK

## JABATAN TENAGA MANUSIA 2016-2020





# STRATEGI 1:

MEMBANGUNKAN TENAGA  
KERJA YANG KREATIF DAN  
INOVATIF





## **STRATEGI 1: MEMBANGUNKAN TENAGA KERJA YANG KREATIF DAN INOVATIF**

Kesan globalisasi yang melanda pada masa ini telah membawa kesedaran yang memuncak kepada keperluan latihan teknikal dan vokasional serta sistem latihan kemahiran yang lebih mantap. Ini dapat direalisasikan melalui pembangunan tenaga kerja mahir yang kreatif dan inovatif agar mereka lebih kompetitif dan berjaya dalam persaingan ekonomi terutama di peringkat antarabangsa.

Peningkatan kemahiran dan latihan semula tenaga kerja sedia ada amat diperlukan ke arah meningkatkan ekonomi Malaysia. Kerajaan menyasarkan 33% tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2015 dan 50% menjelang tahun 2020. Pencapaian matlamat ini memerlukan penglibatan yang lebih besar daripada semua pihak dalam pembangunan tenaga kerja yang memerlukan latihan bagi bidang berkemahiran tinggi. Bagi suku kedua tahun 2013, peratusan tenaga mahir Negara adalah sebanyak 24.2% daripada keseluruhan 13.2 juta tenaga kerja. Oleh kerana itu JTM amat menitikberatkan pengukuhan modal insan dan pembangunan tenaga kerja mahir negara untuk menjana pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara.

Data daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagai badan pentauliahan dan persijilan tenaga mahir negara menunjukkan bahawa sehingga 31 Ogos 2013, JPK telah mempersiapkan tenaga mahir negara melalui Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) untuk Tahap 1 sehingga Tahap 3 adalah sebanyak 1,215,565. Taburan bilangan pengeluaran SKM mengikut tahap adalah merujuk kepada jadual di bawah.

NO.	PERKARA	BILANGAN KESELURUHAN PENGELUARAN SKM		
		TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
1	Persijilan Melalui Pusat Bertauliah	514,013	455,754	137,270
2	Persijilan Melalui SLDN	8,211	8,708	4,156
3	Persijilan Melalui PPT	26,482	26,170	31,183
4	Persijilan Melalui NDT	3,031	538	49
Jumlah		551,737	491,170	172,658
JUMLAH KESELURUHAN		1,215,565		

*Sumber : JPK, KSM, 31 Ogos 2013*

Merujuk kepada bilangan pemegang SKM Tahap 1 sehingga Tahap 3 yang ramai, JTM berkeyakinan tinggi dan amat komited untuk menyediakan tempat bagi pemegang SKM Tahap 1 sehingga Tahap 3 ini untuk meningkatkan kemahiran mereka sehingga ke tahap yang lebih tinggi melalui penawaran Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) secara sepenuh masa di ILJTM seluruh Malaysia. JTM mensasarkan seramai 340,000 peserta iaitu 30% daripada jumlah pemegang SKM Tahap 1 sehingga Tahap 3 akan melanjutkan kemahiran mereka ke tahap yang lebih tinggi menjelang tahun 2025 seterusnya meningkatkan tahap kehidupan mereka dan ekonomi Negara.



Untuk melahirkan dan membangunkan tenaga kerja yang kreatif dan inovatif, ia memerlukan peningkatan budaya inovasi di kalangan pensyarah dan pelajar. Pembangunan harta intelek di dalam sesebuah Negara akan meningkatkan lagi tahap inovasi dan ekonomi sesebuah Negara. Segala ilmu pengetahuan dan latihan kemahiran akan dirangkumkan bagi menghasilkan inovasi daya cipta baru dengan memupuk nilai-nilai keusahawanan. Hasil penyelidikan yang praktikal dan berkesan dapat meningkatkan mutu dan mempelbagaikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Perlindungan harta intelek dari hasil penyelidikan akan dilaksanakan sebelum pengkomersilan produk dilakukan.

1. ELIMINATE	2. REDUCE
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kursus-kursus yang kurang diperlukan oleh industri dengan kajian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nil</li> </ul>
4. CREATE	3. RAISE
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan <i>Uptown Campus</i> di Lokasi Sek Men Teknik dan KV seperti di               <ol style="list-style-type: none"> <li>Teluk Intan, Perak</li> <li>Maran, Pahang</li> <li>Langkawi, Kedah</li> <li>Kuala Selangor, Selangor</li> </ol> </li> <li>Mewujudkan <i>Skills Enterprise</i> dalam bidang-bidang tertentu seperti Automotif, Percetakan, Penyejukbekuan dan Penyaman Udara dan Elektrik</li> <li>Melaksanakan DKM secara separuh masa.</li> <li>Mewujudkan Pusat Inovasi dan Kreativiti bagi melaraskan sehalu aktiviti-aktiviti inovasi</li> <li>Melaksanakan Pendaftaran Perlindungan Harta Interlek ILJTM</li> <li>Menyediakan geran penyelidikan dan geran projek inovasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cara akses yang mudah kepada pelajar</li> <li>Pertambahan bilangan pengambilan pelajar</li> <li>Pertambahan projek kreativiti dan inovasi</li> <li>Pertambahan bilangan Pengajar Pakar</li> <li>Pertambahan bilangan graduan</li> <li>Pertambahan bilangan projek inovasi</li> <li>Penulis bahan ilmiah seperti jurnal, prospektus promosi dsb</li> <li>Peningkatan kualiti dan employability graduan ILJTM</li> </ul>

## 1.0 MATLAMAT STRATEGI

- i. Meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing
- ii. Memperkasakan kemahiran keusahawanan melalui pelaksanaan *Skills Enterprise*
- iii. Memberi peluang kepada pekerja industri memperolehi persijilan DKM secara separuh masa
- iv. Meningkatkan budaya inovasi di kalangan pensyarah dan pelajar dengan penubuhan Pusat Kreativiti dan Inovasi
- v. Memberi perlindungan harta intelek kepada hasil inovasi Jabatan



## **2.0 PELAN TINDAKAN**

### **2.1 Mengoptimumkan pengambilan pelajar kursus jangka panjang dan jangka pendek.**

Bagi membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang kreatif dan inovatif JTM akan meningkatkan lagi penawaran kursus-kursus kemahiran jangka panjang dan jangka pendek untuk mengoptimumkan bilangan enrolmen pelajar di institusi latihan kemahiran di bawah kelolaannya.

- i. Institut Latihan Perindustrian (ILP) berfungsi untuk mengeluarkan tenaga kerja berdaya saing melalui pelaksanaan program Single Tier Diploma Kemahiran Malaysia (DKM).
- ii. *Advanced Technology Centre* (ADTEC) dan *Japan Malaysia Technical Institute* (JMTI) berfungsi melaksanakan dua aliran pensijilan ia itu Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Teknologi Kejuruteraan dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Diploma Lanjutan Teknologi Kejuruteraan (DLTK).
- iii. Meningkatkan bilangan peserta kursus jangka pendek dengan menjadikan ILP Prai sebagai institut cawangan JMTI bagi melaksanakan kursus jangka pendek secara lebih khusus bersesuaian dengan lokasinya di kawasan perindustrian. Di samping itu, institut cawangan ini juga akan melaksanakan program DKM bagi bidang Teknologi Automotif, Teknologi Kimpalan dan Teknologi Komputer. Ini akan mempelbagaikan lagi kursus yang ditawarkan oleh JMTI bagi kumpulan sasar yang berbeza.
- iv. Perlaksanaan kursus jangka pendek untuk meningkatkan kemahiran tenaga mahir sedia ada di industri akan menambahkan bilangan peserta sehingga 340,000 sehingga 2020. Perlaksanaan kursus jangka pendek ini juga akan ditumpukan kepada penawaran kursus-kursus di tahap SKM 3 dan Diploma Kemahiran Malaysia (SKM 4) secara separuh masa yang menyokong kepada pembelajaran sepanjang hayat.

### **2.2 Memperkasakan kemahiran keusahawanan pelajar.**

Bagi menyokong kerajaan dalam usahanya meningkatkan daya saing ekonomi negara, lebih ramai usahawan diperlukan terutamanya dalam bidang-bidang teknikal. Latihan kemahiran akan ditambah nilai dengan modul usahawan dan perlaksanaannya dikawalselia bagi memastikan kejayaan program ini.



- i. Mengujudkan *Skills Enterprise* di institut-institut Jabatan Tenaga Manusia dalam bidang-bidang tertentu seperti Teknologi Automotif, Teknologi Percetakan, Teknologi Penyejukbekuan & Penyamanan Udara dan Teknologi Elektrik. *Skills Enterprise* ini lebih menumpukan kepada pelaksanaan aktiviti *Training Cum Production* (TCP) dan menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam melaksanakannya.
- ii. Bekerjasama dengan IKS dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti Program Industri Angkat untuk membantu dalam hal-hal yang berkaitan khidmat rundingan kejuruteraan.

### 2.3 Membudayakan amalan kreativiti dan inovasi di institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia.

Bagi melahirkan dan memantapkan tenaga kerja mahir yang mempunyai kemahiran untuk menyelesaikan masalah dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, pelajar dan pensyarah digalakkan untuk membuat penyelidikan, merekacipta dan membina produk-produk baru.

- i. Mewujudkan Pusat Kreativiti dan Inovasi di semua Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Ianya berfungsi untuk membudayakan amalan kreativiti dan inovasi di kalangan pengajar dan pelajar. Dengan kewujudan Pusat Kreativiti dan Inovasi, segala projek kreativiti dan inovasi yang dihasilkan dapat dikawal dari segi kualiti dan disyorkan untuk perlindungan harta intelek. Projek kreativiti dan inovasi yang mempunyai potensi akan dipilih untuk menyertai pertandingan dalam peringkat antarabangsa untuk meningkatkan imej jabatan.
- ii. Menggalakkan Pelajar dan pensyarah untuk menghasilkan kertas-kertas persidangan yang akan dibentangkan di dalam persidangan kebangsaan dan antarabangsa.

### 2.4 Mewujudkan Uptown Campus.

Bagi memudahkan akses kepada pelajar, perlu diwujudkan *Uptown Campus* mengadakan kolaborasi dengan BPTV contohnya seperti di bawah:-

- a. Teluk Intan, Perak
- b. Maran, Pahang
- c. Langkawi, Kedah
- d. Kuala Selangor, Selangor




Perlaksanaan pembelajaran teori adalah secara maya yang menggunakan konsep *e-learning* akan dilaksanakan di *Uptown Campus* manakala pembelajaran amali akan dilaksanakan di ILJTM. Perlaksanaan *Uptown Campus* ini akan memfokuskan kepada pelajar DKM secara separuh masa sahaja. Konsep pembelajaran sepanjang hayat diamalkan agar pelajar mempelajari latihan kemahiran sehingga ke peringkat tinggi.

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (2016-2020)
<b>1. Kursus Jangka Panjang</b> - ILP melaksanakan program <i>Single Tier</i> DKM - ADTEC dan JMTI melaksanakan DKM/DTK dan DLKM/DLTK	Mengoptimumkan bilangan Enrolmen Pelajar	$ADTEC + JMTI = 1300 \times 9 = 11,700$ $ILP = 1000 \times 22 = 22,000$ <b>= 33,700 pelajar</b>	$33,700 \times 5 \text{ tahun}$ <b>= 168,500 pelajar</b>
<b>2. Kursus Jangka Pendek</b>	Pertambahan bilangan peserta dalam Kursus Modular dan <i>Customised</i>	$ADTEC + JMTI = 3000 \times 9 = 27,000$ $ILP = 1000 \times 22 = 22,000$ <b>= 49,000 peserta</b>	$49,000 \times 5 \text{ Tahun}$ <b>= 245,000 peserta</b>
	Pertambahan bilangan pengambilan DKM secara separuh masa	$150 \times 31 \text{ ILJTM} = 4650 \text{ peserta}$	$4650 \times 5 \text{ Tahun}$ <b>= 23,250 peserta</b>
<b>3. Skills Enterprise</b> - Perlaksanaan Aktiviti <i>Training Cum Production</i> (TCP) - Keusahawanan	Bilangan aktiviti TCP	$15 \times 31 \text{ ILJTM} = 465 \text{ peserta}$	$465 \times 5 \text{ Tahun}$ <b>= 2,325 projek</b>
	Bilangan kerjasama dengan Industri	$2 \times 31 \text{ ILJTM} = 62 \text{ industri}$	$62 \times 5 \text{ Tahun}$ <b>= 310 industri</b>
<b>4. Pusat Kreativiti dan Inovasi</b> - Menggalakkan budaya inovasi di kalangan pengajar dan pelajar (Projek/ILJTM) - Penyediaan geran projek inovasi dan geran penyelidikan	Bilangan projek inovasi	$25 \times 31 \text{ ILJTM} = 775 \text{ projek}$	$775 \times 5 \text{ Tahun}$ <b>= 3,875 projek</b>
	Bilangan pendaftaran perlindungan harta intelek	7 projek/JTM	<b>7 projek</b>
	Bilangan kertas persidangan	$5 \times 31 \text{ ILJTM} = 155 \text{ kertas}$	$155 \times 5 \text{ Tahun}$ <b>= 775 kertas</b>
<b>5. Uptown Campus</b> - Cara akses yang mudah kepada pelajar - Lokasi Sek Men Teknik dan KV seperti di 1) Teluk Intan, Perak 2) Maran, Pahang 3) Langkawi, Kedah 4) Kuala Selangor, Selangor - Perlaksanaan teori di <i>Uptown Campus</i> manakala amali di ILJTM	Bilangan penyertaan pertandingan inovasi peringkat antarabangsa	10 projek/JTM	<b>10 projek</b>
	Meningkatkan jumlah permohonan pelajar DKM secara separuh masa	400/JTM	<b>400 permohonan</b>

# STRATEGI 2:

## MENINGKATKAN KUALITI LATIHAN





## STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KUALITI LATIHAN

Kualiti sesebuah program latihan adalah bergantung kepada tahap efisiensi program-program kemahiran yang dijalankan diukur dari segi keputusan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar di akhir pengajian. Peningkatan kualiti latihan pembangunan kemahiran boleh mencapai kejayaan dengan berlakunya perubahan paradigma dan penerimaan kepada budaya pembelajaran sepanjang hayat yang disokong pula oleh kurikulum latihan kemahiran yang berkualiti. Menyedari hakikat ini, beberapa usaha telah digerakkan dengan menumpukan kepada peningkatan kualiti latihan kemahiran dalam menyediakan sumber manusia yang dapat memenuhi keperluan industri.

1. ELIMINATE	2. REDUCE
<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengajar yang berkelayakan sijil</li><li>• Peralatan latihan yang tidak relevan dengan teknologi terkini</li><li>• Aset &amp; Inventori Lama terutama perabot</li><li>• Program yang kurang permintaan ramai</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tugas pentadbiran berkaitan pengurusan aset</li><li>• Spesifikasi peralatan teknikal yang tidak bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran</li></ul>
4. CREATE	3. RAISE
<ul style="list-style-type: none"><li>• Program menggilap bakat kepimpinan pengurusan tertinggi</li><li>• Program perancangan pelapis (<i>Succession Planning Programme</i>)</li><li>• Komposisi kelayakan pengajar adalah dari kumpulan Pengurusan &amp; Profesional dan Sokongan I</li><li>• Dana untuk peningkatan kelayakan akademik dan persijilan profesional (<i>license to work</i>) pengajar</li><li>• Laluan kerjaya pengajar</li><li>• Insentif untuk <i>Subject Matter Expert</i> (SME)</li><li>• Pembangunan kurikulum bagi program latihan pada peringkat Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda</li><li>• Pembangunan bank soalan penilaian</li><li>• Program baru berasaskan perubahan teknologi</li><li>• Unit kajian keperluan program</li><li>• Persijilan profesional teknik mengajar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa</li><li>• Pemenang PKM/ASC/WSC diberi biasiswa melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara</li><li>• Pemenang PKM/ASC/WSC dilantik sebagai kakitangan</li><li>• Kemahiran keusahawanan untuk pelajar</li><li>• Enrolmen pelajar antarabangsa untuk program di ADTEC</li><li>• Program Antarabangsa di ADTEC melalui program MTCP</li><li>• Kerjasama dengan Universiti Teknikal</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penglibatan dalam persidangan antarabangsa (TEVT)</li><li>• Bilangan pengajar mempunyai kelayakan akademik Ijazah, Master &amp; PHD</li><li>• <i>Subject Matter Expert</i> (SME) untuk semua pengkhususan program latihan</li><li>• Pangkalan data profil pengajar</li><li>• Persijilan Profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa</li><li>• Latihan kemahiran peringkat tinggi di institusi kemahiran luar negara untuk pengajar</li><li>• <i>In-house training</i></li><li>• Pengiktirafan pencapaian tertinggi (PPT) untuk pengajar</li><li>• Penambahan pegawai bahagian kurikulum</li><li>• Peningkatan versi sistem pangkalan data kurikulum</li><li>• Prosedur pembangunan kurikulum</li><li>• Pembelajaran secara aktif (berpusatkan pelajar)</li><li>• Penambahbaikan terhadap jaminan kualiti penyampaian latihan</li><li>• Pencerapan pengajar</li><li>• Peningkatan tahap persijilan melalui program JPK, MQA (ADTEC) dan profesional.</li><li>• Jawatankuasa Kepakaran</li><li>• Kemudahan rujukan untuk pelajar (buku, journal)</li><li>• Perkongsian peralatan latihan</li><li>• Naiktaraf kemudahan pelajar dari segi asrama dan Wifi-Zone</li></ul>



4. CREATE	3. RAISE
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan pasukan penyelenggaraan dalam Bangunan bilik kuliah yang kondusif Dewan kuliah } utama dinaiktaraf auditorium.</li> <li>• Kemudahan <i>e-book</i> di pusat sumber</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peralatan berasaskan latihan (<i>trainer set</i>)</li> </ul>

## 1.0 MATLAMAT STRATEGI

- i. Melahirkan model kepimpinan dan pengurusan yang berwawasan.
- ii. Meningkatkan kekompetenan pengajar dan pelajar yang berdaya saing.
- iii. Memperkukuh kurikulum dan program latihan yang diiktiraf berasaskan teknologi terkini.
- iv. Memantapkan penyampaian latihan dan sistem penilaian yang efektif.
- v. Menyediakan persekitaran latihan yang kondusif.

## 2.0 PELAN TINDAKAN

### 2.1 Pembangunan Kepimpinan Pengurusan

Sebagai organisasi utama yang menerajui latihan kemahiran di Malaysia, kepimpinan pengurusan mestilah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi serta sikap yang optimis bagi meningkatkan kecekapan pengurusan latihan kemahiran secara berterusan. Bagi mencapai tujuan ini, beberapa tindakan berikut perlu dilaksanakan:

- i. Mengadakan program menggilap bakat kepimpinan pengurusan tertinggi kepada pegawai yang berpotensi;
- ii. Menggalakkan penglibatan pegawai di dalam persidangan antarabangsa berkaitan *Technical Education and Vocational Training (TEVT)* sebagai pembentang atau peserta bagi memberi pendedahan yang lebih meluas; dan
- iii. Mewujudkan program perancangan pelapis (*succession planning programme*) melalui pendekatan *Mentor-Mentee* sebagai persediaan pegawai untuk menerajui barisan pengurusan tertinggi.

### 2.2 Pembangunan Tenaga Pengajar

Dalam memastikan objektif organisasi sebagai pengeluar tenaga mahir yang berdaya saing dicapai dengan jayanya, kualiti tenaga pengajar mestilah berada di tahap yang tinggi. Bagi mencapai tujuan ini, beberapa tindakan berikut perlu dilaksanakan:

- i. Meningkatkan komposisi kelayakan pengajar dalam kumpulan pengurusan dan profesional selaras dengan penawaran program latihan ke peringkat lebih tinggi;



- ii. Meningkatkan kelayakan akademik pengajar ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan program latihan yang telah dan akan dinaiktaraf;
- iii. Menyediakan modul laluan kerjaya pengajar yang lebih komprehensif mengambil kira bidang kepakaran dan kecenderungan bakat masing-masing;
- iv. Mengiktiraf tenaga pengajar pakar (*Subject Matter Expert-Specialist*) bagi semua bidang pengkhususan program latihan;
- v. Memberi Insentif Khas tenaga pengajar pakar (*Subject Matter Expert-Specialist*) berdasarkan kriteria-kriteria yang akan ditetapkan;
- vi. Menyediakan dana untuk peningkatan kelayakan akademik dan persijilan profesional (*license to work*) pengajar dalam semua bidang;
- vii. Menaiktaraf pangkalan data profil kemahiran dan kelayakan pengajar (*icon/talent*) bagi pengurusan laluan kerjaya yang sistematik dan bersepadu;
- viii. Menghantar tenaga pengajar pakar (*Subject Matter Expert-Specialist*) bagi menghadiri latihan untuk mendapatkan Persijilan Profesional (Antarabangsa);
- ix. Menghantar pengajar untuk menghadiri latihan peringkat tinggi di institusi kemahiran luar negara bagi memberi pendedahan corak latihan kemahiran antarabangsa;
- x. Menggiatkan program In-house Training di *Centre of Excellent (COE)* yang terpilih bagi melahirkan lebih ramai pengajar berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam setiap bidang latihan; dan
- xi. Memastikan semua pengajar Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) memperolehi Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) melalui Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT).

### 2.3 Pembangunan kurikulum

Dokumen kurikulum adalah menjadi bahan penting sebagai nadi rujukan sesebuah organisasi pembelajaran dan latihan. Sebuah institusi latihan seperti ILJTM amat penting sekali dalam memastikan kurikulum yang digunakan sentiasa mempunyai kandungan yang dinamik dan terkini mengikut arus perubahan teknologi semasa. Bagi memastikan kurikulum latihan yang mantap perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan:

- i. Memperkukuhkan struktur personel di bahagian kurikulum;
- ii. Membangunkan kurikulum bagi program latihan peringkat Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda;
- iii. Membangunkan program-program latihan baru berasaskan perubahan teknologi semasa dan terkini;
- iv. Mewujudkan unit kajiselidik keperluan program latihan baru;
- v. Mewujudkan sistem pangkalan data bagi setiap versi kurikulum yang dibangunkan;



- vi. Mewujudkan garis panduan pembangunan kurikulum yang lebih bersistematik; dan
- vii. Memperluas penglibatan *personel* (panel) industri swasta dan awam serta universiti dalam aktiviti pembangunan kurikulum latihan.

## 2.4 Penyampaian latihan

Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan salah satu faktor yang sangat penting dalam usaha melahirkan bakal tenaga kerja yang kompeten, kreatif dan berinovatif. Pendekatan penyampaian latihan yang bersesuaian dengan perkembangan teknologi dan psikologi pelajar mampu menjadikan iklim pembelajaran yang lebih dinamik dan memberi kesan yang lebih cemerlang. Bagi mencapai tujuan ini, beberapa tindakan berikut perlu dilaksanakan:

- i. Memantapkan kemahiran teknik mengajar melalui persijilan profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa;
- ii. Meluaskan pendekatan pembelajaran secara aktif bagi menggalakkan perkembangan minda pelajar;
- iii. Meningkatkan pembelajaran secara elektronik (*e-training*) yang lebih interaktif dan membantu pemahaman pelajar;
- iv. Memantapkan sistem jaminan kualiti penyampaian latihan ke tahap yang lebih baik; dan
- v. Meningkatkan aktiviti pencerapan pengajar bagi menilai tahap keupayaan dalam penyampaian latihan.

## 2.5 Pembangunan pelajar

Dalam usaha memastikan graduan yang dihasilkan berada pada tahap yang cemerlang, sokongan dan pengiktirafan terhadap pelajar perlu ditingkatkan dengan sebaiknya. Graduan cemerlang adalah merupakan aset negara yang sangat berharga dan mampu menjana ekonomi negara. Justeru, menjadi tanggungjawab institusi untuk membangun dan mengiktiraf pelajar yang berpotensi untuk digilap bakatnya. Bagi mencapai tujuan ini, beberapa tindakan berikut perlu dilaksanakan:

- i. Mewujudkan peluang kepada pemenang Pertandingan Kemahiran Malaysia/ *Asean Skills Competition* / *World Skills Competition* mendapat biasiswa bagi melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara bagi memberi pendedahan dan pengalaman yang lebih luas;



- ii. Mewujudkan peluang kepada pelajar cemerlang untuk dilantik dalam perkhidmatan awam dan menjawat jawatan pengajar memandangkan kekompetenan yang dimiliki sangat diperlukan; dan
- iii. Memantapkan program kemahiran keusahawanan yang lebih komprehensif kepada pelajar pada peringkat awal latihan.

## **2.6 Persijilan program latihan**

Setiap program latihan yang dijalankan oleh sesebuah organisasi pembelajaran dan latihan bagi setiap tahap persijilan mestilah ditauliah dan iktiraf oleh badan-badan pentauliah dan pengiktirafaan serta diterima oleh pihak industri swasta dan institusi awam. Sehubungan dengan itu, seterusnya bagi menghasilkan para graduan yang berdaing saing dengan kualiti pengetahuan dan kemahiran serta kebolehkerjaan yang tinggi maka usaha-usaha perlu dilakukan seperti berikut:

- i. Melaksanakan tahap persijilan minima peringkat diploma di ILJTM;
- ii. Menawarkan program latihan kepada sebahagian pelajar antarabangsa;
- iii. Memperkukuh kerjasama dengan MTUN dalam penyediaan laluan program berkenaan berkenaan lebih tinggi; dan
- iv. Menambahbaik peranan jawatankuasa kepakaran bagi setiap kluster program latihan.

## **2.7 Pembangunan infrastruktur dan peralatan latihan**

Pembangunan negara yang menjurus kepada negara maju pada tahun 2020, institusi latihan memerlukan pembangunan infrastruktur dan peralatan latihan yang memenuhi standard industri iaitu berkemampuan dalam pelbagai aspek untuk memberi pembelajaran dan latihan dari peringkat asas hinggalah mengoptimumkan perkongsian infrastruktur, peralatan dan bahan latihan. Berikut adalah aspek yang perlu dilaksanakan:

- i. Mewujudkan pasukan penyelenggaraan dalaman di peringkat institut yang mampu melaksanakan kerja penyelenggaraan fizikal dan peralatan latihan dengan cekap dan berkesan;
- ii. Menaiktaraf kemudahan asrama untuk keselesaan pelajar bagi menjalankan aktiviti selepas sesi latihan dengan menaiktaraf kemudahan sedia ada kepada suasana yang lebih kondusif dan ceria serta mesra pengguna seperti kemudahan ruang rehat, ruang lobi dan bilik basuh;
- iii. Menaiktaraf bilik kuliah sedia ada agar lebih kondusif dan mampu menampung penambahan pelajar yang semakin meningkat;
- iv. Menaiktaraf dewan kuliah utama kepada auditorium bagi mengikut keperluan semasa;



- v. Meluaskan kemudahan *e-book* bagi menambah kemudahan bahan rujukan di pusat sumber;
- vi. Meningkatkan perkongsian peralatan latihan bagi mengoptimum penggunaan;
- vii. Menaiktaraf kemudahan latihan dan infrastruktur mengikut keperluan semasa;
- viii. Meluaskan peralatan berasaskan latihan (*training set*) yang lebih sesuai dengan pembelajaran; dan
- ix. Meluaskan kemudahan internet di seluruh kawasan institut (*wifi zone*).

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (2016-2020)
1. Membangunkan program kepimpinan pengurusan	Program menggilap bakat kepimpinan pengurusan tertinggi	10% dari 1816 pegawai	10% x 1816 <b>= 181 pegawai</b>
	Penglibatan dalam persidangan antarabangsa (TEVT)	0.5 % dari 181 pegawai	0.5 x 181 <b>= 90 pegawai</b>
	Program perancangan pelapis ( <i>Succession planning programme</i> ) - <i>Mentor Mentee</i>	5 x 31 ILJTM = 155 pegawai	155 x 5 Tahun <b>= 775 pegawai</b>
2. Mempertingkatkan pembangunan tenaga pengajar	Komposisi kelayakan pengajar	i. ADTEC 80% x 1170	80% x 1170 <b>= 936 pengajar</b>
	i. Pengurusan & Professional	ii. ILP 40% x 2200	40% x 2200 <b>= 880 pengajar</b>
	ii. Sokongan I	i. ADTEC 20% x 1170	20% x 1170 <b>= 234 pengajar</b>
		ii. ILP 60% x 2200	60% x 2200 <b>= 1320 pengajar</b>
	Kelayakan akademik pengajar:		
	i. PHD (15%)	15% x 936 pengajar = 140 pengajar	<b>140 pengajar</b>
	ii. Sarjana (60%)	60% x 936 pengajar = 360 pengajar	<b>360 pengajar</b>
	iii. Ijazah (40%)	40% x (234 + 1452) = 674 pengajar	<b>674 pengajar</b>
	Geran untuk peningkatan kelayakan akademik dan persijilan profesional pengajar:	15% x 936 pengajar = 140 pengajar	<b>140 pengajar</b>
	i. PHD		



PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (2016-2020)
	ii. Sarjana	60% x 936 pengajar = 360 pengajar	<b>360 pengajar</b>
	iii. Ijazah	40% x (234 + 1452) = 674 pengajar	<b>674 pengajar</b>
	Laluan kerjaya pengajar, modul kerjaya pengajar (1 unit pemantau)	1 modul	<b>1 modul</b>
	Pangkalan data <i>Subject Matter Expert</i> untuk semua pengkhususan program latihan	74 program x 2 pengajar = 148 program	148 x 5 Tahun <b>= 740 program</b>
	Persijilan Profesional (Antarabangsa)	10% SME bagi bidang yang berkenaan	<b>10% SME bagi bidang yang berkenaan</b>
	Latihan peringkat tinggi di institusi kemahiran luar negara untuk pengajar	32 pengajar	32 x 5 Tahun <b>= 160 pengajar</b>
	<i>In-house training</i>	16 COE x 25 pengajar = 400 pengajar	400 x 5 Tahun <b>= 2000 pengajar</b>
	PPT untuk pengajar	60% dari jumlah pengajar	<b>60% dari jumlah pengajar</b>
3. Memperkukuh kurikulum latihan	Menyemak semula silibus dan bahan pembelajaran bertulis (WIM) sedia ada	97 silibus dan 318 set x 7 modul = 2226 modul	97 silibus dan 318 set x 7 modul <b>= 2226 modul</b>
	Pembangunan kurikulum bagi program latihan pada peringkat Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda	- WIM latihan teras dan umum/program Diploma Lanjutan. - WIM latihan teras dan umum/program Ijazah Sarjana Muda	<b>520 set</b> <b>1200 set</b>
	Pembangunan bank soalan penilaian	pangkalan data	<b>1 sistem</b>
	Program baru berasaskan perubahan teknologi.	5 program	<b>5 program</b>
	Kajian keperluan program	1 kajian	<b>1 kajian</b>
	Peningkatan versi sistem pangkalan data kurikulum	1 sistem	<b>1 sistem</b>



PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (2016-2020)
4. Memantapkan penyampaian latihan	Persijilan profesional teknik mengajar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa	1 pengajar x 31 ILJTM = 31 pengajar	31 x 5 Tahun <b>= 155 pengajar</b>
	Pencerapan pengajar	20 pengajar x 31 ILJTM = 620 pengajar	620 x 5 Tahun <b>= 3100 pengajar</b>
5. Meningkatkan program pembangunan pelajar	Pemenang PKM / ASC / WSC diberi biasiswa melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara.	15 orang terpilih / tahun	15 x 5 tahun <b>= 75 pelajar</b>
	Dilantik sebagai kakitangan.	15 orang terpilih / tahun	15 x 5 tahun <b>= 75 pelajar</b>
	Kemahiran keusahawanan	8% x 33700 pelajar	8 % x 33700 <b>= 2696 pelajar</b>
6. Meningkatkan persijilan program latihan	Peningkatan tahap persijilan		
	i. Program JPK	Diploma ILP = 80% Diploma ADTEC = 60% Diploma Lanjutan ADTEC = 40%	-
	ii. Program MQA(ADTEC)	90% program Diploma 10% program Ijazah Sarjana Muda	-
	iii. Program Profesional	5 program / ILJTM	5 x 31 ILJTM <b>= 155 program</b>
	Peningkatan program antarabangsa (ADTEC)		
